

# Isu pekerja di Malaysia: Menteri Indonesia sedia letak jawatan

1000  
13 AUG 2002  
Oleh ZULKEFLI HAMZAH

JAKARTA 12 Ogos — Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Jacob Nuwa Wea berkata, beliau bersedia untuk meletakkan jawatan kerana kegagalannya mengatasi masalah tenaga kerja Indonesia di Malaysia.

“Saya siap (bersedia) meletakkan jawatan. Untuk apa mempertahankan diri jika tidak mampu. Ini sebagai satu bentuk tanggungjawab kepada rakyat,”

katanya kepada wartawan di sini hari ini.

Jacob yang tidak disenaraikan dalam delegasi pertemuan Presiden Megawati Sukarnoputri dengan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Bali pada 8 Ogos lalu berkata, pertrmuan itu sepatutnya digunakan dengan baik untuk menyelesaikan masalah tenaga kerja Indonesia.

Beliau pang turut hadir di Bali pulang ke Jakarta lebih

awal kerana kecewa isu penghantaran balik tenaga kerja Indonesia tidak dibincangkan secara serius oleh delegasi Indonesia dan tanpa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) srbagaimana agenda awal.

Dr. Mahathir semasa bercajak kepada wartawan berkata, beliau telah menjelaskan mengenai isu tenaga kerja dan Megawati telah menyatakan Indonesia mcmahami tindakan Malaysia.

Jacob seterusnya berkata, masalah tenaga kerja Indonesia yang terus berlarutan menunjukkan kelemahan dan sikap tidak profesional para diplomat dalam menangani perkara berkenaan.

Mengenai rancangan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) yang akan mengajukan hak mencelah bagi meminta tanggungjawab kerajaan terhadap masalah itu, Jacob berkata, beliau pada bila-bila masa bersedia memberikan penjelasan. — *Utusan*